

**JPN PERAK**

**2020**

**Modul#learning@home**

**SEJARAH-K1**

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

**We Deliver**

**TINGKATAN**

**4**



**BAB 7 : USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN**

**7.1 : Latar Belakang Idea Negara Merdeka**

1. Parti politik berikut merupakan parti yang terawal di Tanah Melayu.

- Kesatuan Melayu Muda
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya
- Angkatan Pemuda Insaf

Apakah persamaan bagi ketiga-tiga buah parti tersebut? **ms 172**

- A Menentang komunis
- B Perjuangan secara radikal
- C Mengekalkan sistem monarki
- D Penentangan terhadap sistem demokrasi

2. Gambar 1 adalah pemimpin Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak.




Gambar 1 : Datu Patinggi Abang Haji Abdillah

Mengapakah pemimpin tersebut menentang penyerahan Sarawak kepada British pada tahun 1946? **ms 172**

- A Bertentangan dengan keputusan Majlis Negeri
- B Bercanggah dengan amalan tradisi masyarakat
- C Bercanggah dengan perjanjian Perlembagaan 1941
- D Bertentangan dengan hak istimewa pemimpin tempatan

3. Maklumat berikut berkaitan dengan United Malays National Organisation (UMNO).



Apakah yang diperjuangkan oleh UMNO melalui slogan di atas? **ms 172**

- I Konsep kesamarataan
  - II Kedaulatan Raja-raja Melayu
  - III Memelihara status quo orang Melayu
  - IV Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
4. Parti Malayan Indian Congress (MIC) di bawah pimpinan John Thivy ditubuhkan pada bulan Ogos 1946.

Apakah matlamat utama penubuhan parti tersebut? **ms 173**

- A Meningkatkan kemajuan dalam bidang sosioekonomi
- B Mencapai kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya
- C Berkerjasama dengan kaum lain untuk mencapai kemerdekaan
- D Memperjuangkan kepentingan penduduk bumiputera ke arah berkerajaan sendiri

5. Jadual 1 berkaitan dengan parti politik di Tanah Melayu.

| <b>Tahun</b> | <b>Parti</b>                |
|--------------|-----------------------------|
| 1947         | Hizbul Muslimin             |
| 1951         | Parti Islam Se-Tanah Melayu |

Jadual 1

Apakah persamaan perjuangan parti politik di atas? **ms 173**

- A Menubuhkan kerajaan Islam
  - B Menentang penubuhan Malayan Union
  - C Melindungi hak istimewa orang Melayu
  - D Menjadikan bahasa Melayu bahasa rasmi
6. Maklumat berikut berkaitan dengan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu (IMP) .

Dato' Onn Jaafar mengasaskan penubuhan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu (IMP) untuk melaksanakan idea "Tanah Melayu untuk Malayan". Selepas tahun 1949, pemikiran politik Dato' Onn Jaafar terarah kepada perpaduan kebangsaan.

Mengapakah parti tersebut ditubuhkan? **ms 173**

- A Menentang UMNO
- B Mewujudkan kerjasama kaum
- C Menghapuskan Malayan Union
- D Menginginkan jawatan Perdana Menteri

7.2 : **Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum**

7. Apakah syarat yang dikenakan oleh British kepada penduduk Tanah Melayu untuk diberikan kemerdekaan? **ms 174**

- A Mengadakan pilihan raya
- B Mengamalkan demokrasi
- C Mewujudkan kerjasama kaum
- D Melantik pemimpin parti politik


8. Tokoh di bawah adalah antara anggota Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum.



Pengerusi



Wakil Melayu



Wakil Cina

Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum dibentuk? **ms 174**

- I Merundingkan kemerdekaan negara
- II Melatih pemimpin pelbagai kaum mentadbir
- III Mengkaji hubungan kaum secara mendalam
- IV Mewujudkan keadaan harmoni antara rakyat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Rajah di bawah berkaitan isu yang melibatkan pertikaian antara kaum yang cuba diselesaikan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum.

- Kedudukan Istimewa Orang Melayu
- Kedudukan Ekonomi Orang Melayu
- X

Apakah X ? **ms 176**

- A Pilihanraya
  - B Jawatan dalam pentadbiran
  - C Kewarganegaraan Bukan Melayu
  - D Kegagalan menyekat pengaruh komunis
10. Maklumat di bawah berkaitan kesan peranan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

- Pilihan raya diadakan pada peringkat majlis bandaran, majlis negeri dan juga Majlis Perundangan Persekutuan

Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum mencadangkan pilihan raya diadakan secara berperingkat kepada penduduk Tanah Melayu ? **ms 176-177**

- A Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
- B Mengurangkan pengaruh golongan radikal
- C Mengelakkan pemusatan kuasa oleh British
- D Menjalankan sistem pemerintahan demokrasi

11. Maklumat di bawah berkaitan sistem pendidikan dalam negara sebelum merdeka.

- Sistem persekolah berbeza mengikut kaum
- Penggunaan bahasa pengantar yang berbeza
- Penggunaan buku teks yang berbeza
- Penggunaan sukatan pelajaran yang berbeza

Bagaimanakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum berperanan mengatasi masalah tersebut ? **ms 176-177**

- A Memperbanyak sekolah vernakular
- B Mengetatkan syarat kewarganegaraan
- C Membawa masuk guru-guru dari luar negara
- D Mencadangkan sistem pendidikan yang seragam

12. Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) telah ditubuhkan pada tahun 1950 hasil tuntutan Dato' Onn Jaafar.

Apakah tujuan penubuhan RIDA? **ms 177**

- A Memajukan perindustrian dan perdagangan
- B Memasarkan hasil peratanian penduduk luar bandar
- C Membantu petani melibatkan diri dalam kegiatan koperasi
- D Memajukan ekonomi dan pendidikan orang Melayu di luar bandar

7.3 : Sistem Ahli

13. Gambar 2 di bawah merupakan tokoh tempatan yang memainkan peranan penting dalam pembentukan Sistem Ahli . **ms 178**



Gambar 2

Siapakah tokoh tersebut?

- A Raja Uda
  - B Dato' Onn Ja'afar
  - C Dato' Nik Ahmad Kamil
  - D Dato Hamzah Abdullah
14. Mengapakah British memperkenalkan Sistem Ahli di Tanah Melayu pada April 1951?  
**ms 178**
- I. Memupuk perpaduan kaum
  - II. Menerapkan sistem pentadbiran Barat
  - III. Mengukuhkan lagi penguasaan politik
  - IV Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

15. Maklumat di bawah berkaitan portfolio yang terus kekal di bawah pentadbiran British dalam Sistem Ahli . **ms 178**

- Hal Ehwal Ekonomi
- Perumahan dan Kerja Raya
- X

Apakah X ?

- A Kesihatan
- B Pelajaran
- C Pertanian dan Perhutanan
- D Perindustrian dan Perhubungan Sosial

16. Apakah tanggungjawab Ahli dalam Sistem Ahli.? **m.s 179**

- I Menjaga portfolio
- II Mencadangkan undang-undang
- III Mengetuai pentadbiran negara
- IV Melantik Ahli yang berkeelayakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Bagaimanakah Sistem Ahli menjadi asas membentuk perpaduan kaum ke arah kemerdekaan negara ? **ms 179**
- A. Idea penubuhannya hasil cadangan pelbagai kaum
  - B. Setiap kaum berhak memilih anggota Sistem Ahli
  - C. Ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum
  - D. Pandangan setiap kaum diambil kira dalam sesuatu keputusan
18. Pilih pasangan yang BETUL tentang perbezaan dalam Sistem Ahli sebelum merdeka dengan sistem kabinet Malaysia selepas merdeka. **ms 178-179**


|   | <b>Sistem Ahli Persekutuan Tanah Melayu (1951)</b> | <b>Sistem Kabinet Malaysia 2019</b>             |
|---|--|---|
| A | Ahli dikenali sebagai Ahli                         | Ahli dikenali sebagai Menteri                   |
| B | Diletakkan di bawah kuasa Majlis Raja-Raja         | Diletakkan di bawah kuasa Yang Di Pertuan Agong |
| C | Dipilih oleh rakyat pelbagai kaum                  | Dipilih melalui pilihan raya                    |
| D | Mengandungi 10 orang anggota                       | Mengandungi 32 orang anggota                    |

7.4 : Sistem Pendidikan Kebangsaan

19. Semasa di bawah pentadbiran British, sistem persekolahan berkembang mengikut kaum. Apakah kesan perkembangan tersebut? **ms 180**

- A Perkembangan sosioekonomi
- B Menghalang perpaduan kaum
- C Bilangan sekolah vernakular terhad
- D Penggunaan bahasa Melayu meluas

20. Maklumat berikut antara usaha pembentukan Sistem Pendidikan Kebangsaan melalui Jawatankuasa Pelajaran di Tanah Melayu. **ms 180**



Apakah X?

- A. Penyata Razak
- B. Laporan Fenn-Wu
- C. Laporan Woodhead
- D. Laporan Rahman Talib

21. Antara berikut yang manakah kandungan Laporan Barnes? **ms 180**

- A Bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah
- B Sekolah Cina diteruskan secara berasingan di bawah sistem kebangsaan
- C Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
- D Sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu sahaja sebagai bahasa pengantar

22. Maklumat berikut adalah antara perkara yang terkandung dalam Ordinan Pelajaran 1952.

- Mempunyai dua jenis sekolah rendah iaitu sekolah yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
- Bahasa Cina dan Tamil diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah sekiranya terdapat 15 orang murid dalam kumpulan yang sama
- Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

Berdasarkan maklumat di atas, mengapakah Ordinan Pelajaran 1952 ditentang oleh orang Melayu? **ms 181**

- I Pengiktirafan sekolah vernakular
  - II Diperkenalkan dalam zaman darurat
  - III Mendesak supaya bahasa Melayu diiktiraf
  - IV Mendesak sekolah Melayu diberi keutamaan
- 
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

23. Antara berikut, yang manakah berkaitan cadangan pembentukan sistem Pendidikan Kebangsaan di Sarawak berdasarkan Laporan Woodhead? **ms 182**

- A Mempelbagaikan sukatan pelajaran dan peperiksaan
- B Sekolah rendah (umum) menggunakan bahasa Melayu
- C Memastikan pendidikan sivik diajar secara formal di sekolah
- D, Sekolah Menengah menggunakan Bahasa Inggeris, Cina dan Tamil

24. Bagaimanakah Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 menjadi asas kepada pembentukan sistem pendidikan kebangsaan? **ms 183**

- I Memperbanyak sekolah vernakular
  - II Melalui sukatan pelajaran yang seragam
  - III Penggunaan bahasa pengantar yang sama
  - IV Pelajaran percuma kepada semua pelajar
- 
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

**7.5 : Penubuhan Parti Politik**

25. Maklumat berikut berkaitan sebuah parti politik yang ditubuhkan di Tanah Melayu.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Parti Malayan Chinese Association (MCA) ditubuhkan pada bulan Februari 1949 oleh Tun Tan Cheng Lock, Yong Shook Lin dan H.S. Lee.</li></ul> |
|---|

Mengapakah parti tersebut ditubuhkan? **ms 185**

- A Menentang Malayan Union
- B Bekerjasama menentang komunis
- C Mencapai kemerdekaan melalui Melayu Raya
- D Membentuk satu parti bagi semua rakyat Tanah Melayu

26. Maklumat di bawah berkaitan parti politik yang ditubuhkan oleh Dato' Onn b Jaafar pada tahun 1954.

- Menuntut kemerdekaan dengan kerjasama antara kaum
- Membentuk satu parti bagi semua rakyat untuk membentuk negara Tanah Melayu

Apakah parti politik tersebut? **ms 184**

- A Parti Kemerdekaan
- B Parti Perikatan
- C Parti Negara
- D UMNO

27. Selepas Perang Dunia Kedua, berbaga-bagai parti politik ditubuhkan kerana perkembangan nasionalisme.

Apakah kesan penubuhan pelbagai parti tersebut? **ms 184**

- A Perpaduan sukar dibentuk
- B Semangat perkauman menebal
- C Ancaman komunis berkurangan
- D Perjuangan menuntut kemerdekaan kukuh

28. Gambar di bawah berkaitan tokoh yang terlibat dalam Persidangan Kebangsaan yang berlangsung pada Februari 1954.




Dato' Panglima Bukit Gantang

Mengapakah tokoh di atas menganjurkan Persidangan Kebangsaan? **ms 186**

- I Menuntut diadakan pilihan raya Persekutuan
  - II Mencadangkan penerimaan satu kewarganegaraan
  - III Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
  - IV Membicangkan langkah membentuk gabungan parti politik kebangsaan
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

29. Gambar 3 menunjukkan logo yang digunakan oleh Parti Perikatan pada tahun 1954.



Gambar 3

Mengapakah logo tersebut digunakan oleh Parti Perikatan? **ms 187**

- A Kesediaan menempuh cabaran untuk kemerdekaan
  - B Kebebasan menentukan matlamat perjuangan
  - C Kekayaan negara dinikmati bersama
  - D Lambang perpaduan kaum
30. Apakah nilai yang diperolehi daripada usaha semua kaum ke arah kemerdekaan negara kita? **ms 187**
- I Kerjasama
  - II Perpaduan
  - III Kasih sayang
  - IV Bijak mengeksploitasi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

## PERATURAN PEMARKAHAN

### BAB 7 : USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

| SOALAN | JAWAPAN | MUKA SURAT |
|--------|---------|------------|
| 1      | B       | 172        |
| 2      | C       | 172        |
| 3      | C       | 172        |
| 4      | C       | 173        |
| 5      | A       | 173        |
| 6      | B       | 173        |
| 7      | C       | 174        |
| 8      | D       | 174        |
| 9      | C       | 176        |
| 10     | A       | 176-177    |
| 11     | D       | 177        |
| 12     | D       | 177        |
| 13     | B       | 178        |
| 14     | B       | 178-179    |
| 15     | D       | 178        |
| 16     | A       | 179        |
| 17     | C       | 179        |
| 18     | A       | 178-179    |
| 19     | B       | 180        |
| 20     | B       | 180        |
| 21     | C       | 180        |
| 22     | D       | 181        |
| 23     | C       | 182        |
| 24     | C       | 183        |
| 25     | B       | 185        |
| 26     | C       | 184        |
| 27     | D       | 184        |
| 28     | B       | 186        |
| 29     | A       | 187        |
| 30     | A       | 187        |